

PERUTUSAN HARI RAYA AIDIL FITRI (PUASA)
MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA

1 OGOS 1982

Bismillahir rahmanir rahim.

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saudara-saudari Muslimin-muslimat yang dihormati sekalian, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahilhamd. esok, kita akan menyambut Hari Raya Aidil Fitri yang mulia.

2. Kalau kita teliti, puasa sebulan Ramadan adalah satu perjuangan, atau jihad bagi umat Islam, kerana puasa, bukan sahaja bererti menahan diri dari lapar dan dahaga, serta dari perkara-perkara lain yang di larang ketika berpuasa, tetapi juga merupakan peperangan melawan dan mengawal hawa nafsu dengan bersenjatakan iman, taqwa dan ibadat. Perjuangan ini bukan dengan niat dan semangat semata-mata, tetapi dengan amalan, kesungguhan serta disiplin. Oleh sebab besarnya hikmat puasa, maka Allah subhanahu wataala menambahkan pahala dan ganjaran terhadap ibadat dan kebaikan yang dilakukan dalam bulan yang mulia ini. Ibadat puasa dapat membawa satu perubahan yang besar, iaitu satu kemenangan kepada diri kita, jika diamal dengan tekun dan sabar.

3. Jihad sepanjang bulan Ramadan merupakan satu latihan yang berkesan bagi membawa kita melalui satu proses perubahan sebagai orang Islam yang sejati. Bukan sahaja kita harus tekun dan sabar menjalankan puasa, tetapi puasa kita hendaklah dibuat dalam keadaan biasa, iaitu keadaan di mana kita menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab seperti di bulan-bulan lain. Yang penting ialah, di samping bekerja dengan tekun, kita juga meningkatkan ibadat yang kita amalkan. Sekiranya kerana berpuasa kita mengabaikan, atau meringan-ringankan kerja, maka ini tidaklah memberi makna kepada puasa kita, kerana dengan ini kita sebenarnya telah tunduk kepada desakan nafsu.

4. Jika kita berpuasa dengan tekun dan mengikut kehendak ajaran Islam yang sebenar, kita tidak akan mengabaikan amalan ibadat harian, dan kerja yang dipertanggung-jawabkan kepada kita, malah kita akan menambahkannya, dan kita akan melakukannya dengan penuh insaf dan rela hati. Kita akan membayar zakat, dan kita akan bersedekah dengan penuh keimanan. Justeru itu, kedatangan Hari Raya akan merupakan detik kemenangan bagi kita. Yang

menjadi harapan kita ialah kemenangan yang berterusan di mana kita dapat menghayati nilai-nilai Islam yang menjadi dorongan dan asas segala amalan dan gerak-geri kita.

5. Hikmat puasa yang harus membawa perubahan yang besar kepada umat Islam masih belum mencapai tarafnya sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Umat Islam belum lagi mencapai kemenangan yang diharapkan di mana mereka bersatu-padu di bawah naungan panji-panji Islam untuk membela maruah dan kehormatan Islam dan ummah.

6. Tahun ini saja Masjidil Aqsa telah dicemar dengan pembunuhan yang dilakukan di dalamnya oleh pihak Yahudi. Dan baru-baru ini pihak Israel juga telah mencabul kedaulatan Lubnan hinggakan begitu ramai menjadi korban. Umat Islam terpaksa mengalami peristiwa sedih seperti ini dengan berpeluk tubuh kerana kita tidak mampu membuat apa-apa yang bermakna. Orang Islam sanggup berperang dengan orang Islam sehingga satu pihak mencapai kemenangan tetapi berhadapan dengan pencabulan oleh bangsa Israel yang cuma 3 juta, kita kaku dan tidak dapat membuat apa-apa dengan berkesan. Yang lebih menyedihkan ialah masih ada orang Islam yang tidak sedar dengan nasib yang menimpa umat Islam dan suka bersengketa sesama sendiri.

7. Ketika kita sedang menyambut Hari Raya, kita hendaklah insaf bahawa ramai di antara saudara-saudara Islam kita di negara-negara lain yang tidak akan dapat merayakan hari kebesaran Aidil Fitri ini. Ada yang bergelumang dengan darah dan peperangan, ada yang ditindas, dan ada yang tidak bebas menunaikan ibadat kepada Allah subhanahu wataala. Kita bukan sahaja harus berdoa, malah harus berusaha dengan segala upaya kita, untuk menebus nasib malang yang menimpa umat Islam. Marilah kita bersama-sama menegohkan azam kita untuk menjadikannya sebagai perjuangan.

8. Segala peristiwa sedih dan pedih yang menimpa umat Islam adalah pengajaran bagi kita semua. Soalnya ialah apakah kita faham pengajaran yang terdapat dalam peristiwa-peristiwa ini, dan kita menjadikannya pedoman. Penebusan maruah dan wilayah Islam, bukan tanggungjawab orang Palestin sahaja tetapi adalah tanggungjawab seluruh ummah. Tanggungjawab ini bukan memerlukan suara yang berani dan lantang dari sejauh 4000 batu, tetapi, persiapan dan disiplin, yang betul-betul berkesan. Persiapan bermakna menguasai ilmu peperangan yang setimpal dengan cara dan alat yang sesuai dengan zaman lektronik ini. Sesungguhnya yang lebih penting ialah kebolehan dan kemampuan kita sendiri dan bukannya pertolongan dari kawan-rakan yang berkepentingan. Untuk membuat persiapan ini kita perlukan bukan dua tiga hari, atau

dua tiga bulan, atau dua tiga tahun, tetapi puluhan tahun. Yang penting bukan semangat berkobar-kobar yang 'panas tahi ayam', tetapi dedikasi dan azam yang tinggi dan berterusan. Tidak ada masalah yang tidak boleh diatasi jika kita mempunyai azam yang kuat dan jika kita menggunakan masa dan akal fikiran untuk membuat persiapan. Jika kita sanggup mengakui hakikat kebenaran ini, satu hari nanti akan dapat kita tebuskan kembali maruah kita, dan agama kita. Tetapi, jika kita masih leka dengan berpoya-poya, dunia akan ketawakan kita. Sebenarnya perjuangan menebus maruah umat Islam, dan agama Islam, akan dimenangi dari bilik-bilik kuliah, dari makmal-makmal dan dari kilang-kilang. Dari tempat-tempat inilah persiapan untuk perjuangan perlu dibuat, dan di sini jugalah nilai tentang kesediaan umat Islam akan ditentukan. Medan perang adalah tempat terakhir bagi mencapai maksud perjuangan. Cuma mereka yang khayal sahaja yang akan memikirkan lain daripada ini.

Saudara-saudara sekalian,

9. Di Hari Raya yang mulia ini kita seharusnya dapat menginsafi tentang diri kita yang serba lemah dan kekurangan. Kita harus bersyukur di atas segala rahmat dan nikmat daripada Allah subhanahu wataala. Kita hendaklah membuktikan kemenangan kita setelah melalui sebulan Ramadan dengan menjadi manusia yang insaf, baik dan berguna -- baik dan berguna kepada diri sendiri, kepada keluarga dan sahabat, dan kepada masyarakat dan negara Malaysia.

10. Satu perkara yang tidak boleh kita, umat Islam di Malaysia, lupakan ialah nikmat dan kebahagiaan hidup kita di negara ini. Sungguhpun penduduk negara ini bukan semuanya penganut agama Islam, tetapi Islam menjadi agama rasmi dan orang Islam mempunyai kedudukan yang istimewa. Perhubungan antara orang Islam dan bukan Islam di Malaysia adalah baik dan kita hidup dalam rukun damai. Ini adalah amat berbeza dengan keadaan yang terdapat di beberapa buah negara di mana orang Islam dan bukan Islam bersama-sama hidup dalam sebuah negara.

11. Kebahagiaan hidup orang Islam di negara ini adalah berasaskan sifat toleransi di dalam Islam. Sifat ini amat penting diamalkan kerana kehormatan yang ditunjuk kepada agama Islam adalah bergantung kepada sifat dan sikap yang mulia yang kita amalkan dalam hubungan kita dengan orang lain. Keadilan Islam dalam pemerintahan negara ini adalah jelas dan nyata. Tidak ada percubaan untuk menindas atau memaksa sesiapa mengikut dorongan hawa-nafsu yang berselindung di belakang tafsiran Islam yang tidak berasas.

12. Pada Hari Raya ini orang Islam berpeluang sekali lagi memperkenalkan budi pekerti Islam yang tinggi dan mulia. Kita akan mengadakan rumah terbuka untuk semua kaum, dan ini bukan sahaja menjalinkan persahabatan antara kaum di negara kita, tetapi ia juga mencerminkan "kedamaian" yang menjadi asas nama agama kita.

13. Kepada orang-orang bukan Islam di negara ini, saya menjemput mereka bersama-sama bergembira pada Hari Raya Aidil Fitri. Malaysia yang berbilang kaum memerlukan perhubungan yang baik di antara kaum supaya semua dapat mengecap nikmat dari kestabilan dan kemakmuran negara ini. Hari Raya merupakan satu peluang terbaik bagi orang Islam dan bukan Islam menjalinkan perhubungan yang mengekalkan Malaysia di dalam aman dan makmur.

14. Sebagaimana biasa, Hari Raya tidak mungkin disambut oleh semua di dalam suasana meriah dan gembira. Ada yang malang kerana tidak bersama-sama dengan sanak-saudara yang dikasihi dan ada yang tidak bernasib baik kerana kurang kemampuan. Di samping itu ada yang terpaksa bertugas berjauhan dari anak-isteri kerana mempertahankan negara. Semua ini tidak harus menghampakan, kerana Hari Raya melambangkan kemenangan, dan tidak ada kemenangan tanpa perjuangan.

15. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk memohon maaf zahir dan batin dan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada sekelian umat Islam.

ALLAHU AKBAR,
ALLAHU AKBAR,
ALLAHU AKBAR,
WALILLAHILHAMD.